



Perdana Menteri Indonesia Burhānuddin Hārāhap sedang berpidato pada Perayaan Kemerdekaan.

dengan sambutan ini, kita berharap pihak Jabatan Agama Johor akan mengadakan suatu perwakilan menghadap ke bawah duli itu memohon supaya di atas nama baginda ditubuhkan sebuah sekolah pertengahan, normal, untuk melatih guru-guru agama supaya cukup berkelayakan dengan diasaskan padanya ilmu Bahasa Arab dan juga jika boleh Bahasa Inggeris sama.

Yang demikian ini adalah sangat-sangat dihajat bukannya sahaja oleh rakyat Johor tetapi juga diseluruh Tanah Melayu dan inilah juga satu jalan yang berkesan untuk mencari ikhtiar bagi menyatukan pelajaran agama di seluruh Tanah Melayu.

Mudah-mudahan, Jubli Intan Yang Maha Mulia itu, dengan menerusi aliran Jabatan Agama Johor akan sampai hajat itu dan bagi baginda adalah ia sebagai suatu amal

jariah yang akan kekal dan dikenang oleh rakyat untuk selama-lamanya.

* * *

Pengampunan Beramai-ramai

Sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Tengku Abdul Rahman maka langkah yang pertama yang dijalankan beliau, setelah menjadi Ketua Menteri, ialah mengadakan pengampunan beramai-ramai kepada pegganas-pegganas komunis di hutan sebagai suatu ikhlar menamatkan darurat di Malaya yang telah memakan banyak belanja dan menjadikan pula kemakmuran Malaya yang tergalang.

Suatu perisytiharan pengampunan kepada mereka itu telah ditaburkan pada 9 September yang lalu di dalam risalah yang ditangani oleh Jeneral Bourne, sebagai Ketua Pengarah Gerakan Menentang Pegganas Komunis, tidak ada tanda tangan Tengku Abdul Rahman- yang sebelum memerintah menghendaki langkah-langkah itu

Siapakah *muballighīn* Islam sekarang?

Muballighīn ialah segolongan orang yang

boleh disorong supaya bekerja dengan

perkataan “*fi sabīl Allāh*”, diberi

gaji dengan perkataan “*lillāhi*

Ta’ālā”, disokong dengan “qaul

makruf”, (kata-kata yang baik- F),

dan diubati dengan “*inna Allāha ma’a*

al-Ṣābirīn”- Muhammad Natsir.

dijalankan tetapi empat hari kemudian baharu dibuat

semula risalah serupa itu dengan didalamnya disertai

tanda tangan Tengku.

Kejadian ini, entah apa silapnya, sebenarnya pada mulanya telah

menimbulkan suatu kecurigaan terhadap Tengku kerana

sebahagian orang memandang dengan tidak ada tandatangan Tengku

yang dahulunya berhajat mengadakan pengampunan beramai-ramai itu,

bahawa harus cadangan pengampunan beramai-ramai itu suatu

ikhtiar yang dibelakangnya berdiri masalah-masalah penjajah - yakni

harus dengan cukup mengetahui keadaan-keadaan yang sebenar bahawa

apabila nanti tidak berjaya maka sudah tentulah ada sebab-sebab yang

mbolehkan mereka menempatkan askar-askar meereka lebih bertapak

sebagaimana yang dibayangkan dengan adanya tentera Australia

di sini – sebagai permulaannya.

Kita tidak mengetahui adakah penambahan menandatangani

itu dibuat kerana suata kesilapan atau kerana terasa

kesan-kesan yang terbit daripadanya yang telah menimbulkan pandangan-pandangan

yang menuduh Tengku dalam perkara ini, diperalat oleh

muslihat-muslihat penjajah kerana langkah pengampunan itu mulanya

terbit daripada Tengku tetapi kemudiannya terzahir bahawa

isytihar itu mulanya hanya ditandatangani oleh Jeneral Bonn

sahaja – yang menjadi sebab orang-orang telah memandang seolah-olah

penjajah yang telah mengaturnya lebih dahulu.

Berkesan atau tidak langkah ini adalah bergantung

kepada keadaannya –yakni kepada pengganas itu sendiri.

Tetapi melihat kepada keadaan bahawa langkah itu, menurut

pandangan kita, harus tidak membawa kesan seperti yang

dijajah dan dengan kerana itu menghadapi pengganas itu

tentulah dengan mengarah sepenuh-penuh tenaga, tenaga mana tidaklah

dengan begitu sahaja tetapi mestilah dengan menggunakan disiplin.



Warganegara Indonesia di Labuan bergambar beramai kerana menyambut Hari Ulangtahun Kemerdekaan Republik Indonesia yang

Kesepuluh dengan dihadiri oleh Tuan Residen Labuan dan Ketua-ketua Melayu Cina dan India.